

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. USTAZ DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Ustaz Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan pelaksanaan cukai pelancongan kepada industri pelancongan dan para pelancong.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai Pelancongan merupakan cukai yang dikenakan kepada pelancong asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia. Cukai ini merupakan cukai Persekutuan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.

Pelaksanaannya merupakan suatu usaha Kerajaan dalam memacu industri pelancongan dan kebudayaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui Cukai Pelancongan ini, industri pelancongan negara kita akan lebih berdaya maju disebabkan adanya sumber yang mampan (*sustainable*) yang berupaya meningkatkan industri ini melalui aktiviti promosi dan pemasaran yang lebih agresif dan efektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 19

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai insiden kontena yang mengandungi peralatan radar tentera berteknologi tinggi yang didakwa hilang di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) baru-baru ini dan apakah langkah yang diambil pihak Kementerian bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kenyataan media yang melaporkan tentang radar tentera berteknologi tinggi hilang di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) adalah tidak benar.

Berdasarkan laporan yang diterima daripada Lembaga Pelabuhan Johor selaku penguatkuasa pelabuhan PTP, pada 3 Mei 2017, syarikat perkapalan *Mediterranean Shipping Company* menurunkan kontena di PTP disebabkan tidak mempunyai dokumentasi lengkap. Maka pihak PTP selaku operator pelabuhan telah menandakan kontena berkenaan sebagai *unknown container* dan telah melaksanakan usaha wajar (*due diligence*) dalam melaporkan kedudukan kontena berkenaan kepada agensi-agensi penguatkuasa dan Kementerian yang berkaitan.

Berdasarkan siasatan awal oleh agensi penguatkuasa, adalah didapati bahawa jenis kargo di kontena berkenaan adalah *Radar System Support, Test Equipment* dan *Spare Parts* dan bukan radar tentera berteknologi tinggi seperti dilaporkan oleh media. Seterusnya kargo berkenaan diasingkan dan diletakan di lapangan pemunggahan (*holding area*).

Pada 19 Mei 2017, syarikat perkapalan Maersk mengikrarkan bahawa kontena berkenaan adalah kepunyaan syarikat. Kekeliruan berlaku disebabkan kontena berkenaan dibawa melalui *Vessel Sharing Agreement* yang wujud antara *Mediterranean Shipping Company* dan syarikat perkapalan Maersk. Disebabkan kontena berkenaan tidak

tersenarai dalam *inbound manifest list* maka *Mediterranean Shipping Company* tidak dapat mengenalpasti identiti kargo berkenaan sebelum diturunkan di PTP.

Pada 3 Jun 2017, selepas pengesahan oleh syarikat perkapalan Maersk, kontena berkenaan telah dibawa keluar daripada PTP oleh syarikat perkapalan tersebut dengan menggunakan kapal Emma Maersk untuk dihantar ke pemilik kargo di Netherlands.

Walaupun, Kerajaan telah mengarahkan agensi-agensi penguatkuasa untuk mengenalpasti kesahihan tatacara dan kebenaran yang diberikan untuk memuat naik kontena berkenaan yang terletak di lapangan pemunggahan (*holding area*) ke kapal Emma Maersk khususnya daripada aspek ketidakakuran yang berlaku terhadap mana-mana prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Kerajaan masih menunggu laporan daripada agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan.

Dalam pada itu, Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan Lembaga Pelabuhan Johor dan PTP untuk memperhalusi dan memperkemaskan kesemua *Standard Operating Procedure* termasuk sistem perisian komputer yang digunakan di dalam pengurusan dan pengendalian kargo di pelabuhan.